



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	5/4/2021	MUKA SURAT	:	35
JABATAN	:	TNB			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# TNB rangkui dua Anugerah SEBA

**PETALING JAYA:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) membawa pulang dua anugerah pada Majlis Anugerah Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Usahawan ke-5 (Anugerah SEBA) menerusi kemenangan dua anak syarikatnya, GSPARX Sdn. Bhd. dan Allo Technology Sdn. Bhd. yang diumumkan sebagai PKS Terbaik.

Ketua Pegawai Runcit TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan berkata, TNB berbesar hati dengan pengiktirafan yang diberikan terhadap GSPARX dan usaha syarikat dalam memacu peralihan tenaga di Malaysia ke-pada tenaga boleh baharu.

"Ini menunjukkan kami berada pada landasan yang betul dalam usaha meningkatkan ini-

siatif untuk mencapai agenda hijau negara," katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.

GSPARX yang merupakan entiti utama yang menyediakan penyelesaian panel fotovoltaik (PV) solar bumbung kepada pelanggan runcit di Malaysia meraih anugerah Jenama Terbaik dalam Penyelesaian Solar Bumbung dalam Memperkasa Tenaga Hijau.

Allo, pemain utama dalam pembangunan infrastruktur jalur lebar kelajuan tinggi (HSBB) untuk menyokong pelan Jalinan Digital Negara (Jendela) kerajaan pula memenangi anugerah Jenama Terbaik dalam Perkhidmatan Infrastruktur Jalur Lebar Syarikat Telekomunikasi.



**KETUA** Pegawai Eksekutif Allo, Rodzi Ahmad (tengah) memegang trofi yang dimenangi syarikat dalam Anugerah SEBA. - IHSAN TNB